Surat kiriman tidak rasmi

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang sesuai.

menceritakan	keindahan	mempelawa	melawat	seronok
dikunjungi	tumpuan	menikmati	menarik	membawa

Lot 234, Lorong Bukit Emas,
75400 Ayer Keroh,
Melaka.

16 Ogos 2021

Assalamualaikum.
Menemui sahabatku, Fatimah yang kini berada di Labuan, Sabah. Semoga sihat sentiasa.

Saudari,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk _____ tempat-tempat menarik di Melaka. Untuk makluman saudari, di Ayer Keroh terdapat banyak tempat yang menarik untuk _____ . Antaranya, Zoo Melaka, Taman Rama-rama, Taman Buaya dan Muzium Lebah.

Di Bandar Hilir pula, saudari boleh _____ bangunan-bangunan bersejarah seperti Kota A Famosa, Istana Melaka dan Menara Taming Sari. Saya yakin saudari pasti _____ jika dapat menyusuri Sungai Melaka dengan menaiki bot.

Selain itu, kita boleh menikmati _____ pantai yang menarik di Melaka. Antara pantai yang menjadi _____ pelancong ialah Tanjung Bidara dan Pangkalan Balak. Pada sebelah malamnya, kita dapat _____ kelazatan ikan bakar di restoran terapung di Umbai.

Saya ingin _____ saudari dan keluarga berkunjung ke Melaka. Saya akan _____ saudari melawat ke tempat-tempat _____ yang saya sebutkan di atas.

Sampai sini sahaja yang dapat saya coretkan. Sampaikan salam saya kepada keluarga saudari di sana.

Yang benar,
Diana

LIVEWORKSHEETS